

10,000 protes kekejaman Zionis

NGO, parti politik serah memorandum bantahan kepada kedutaan AS

Berita Harian 5/6/2010 MIS 10



Oleh Wan Faizal Ismayatim,
Petah Wazzan Iskandar dan
Jaafar Neemat

bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Ki-
ra-kira 10,000 ahli
pertubuhan bukan
kerajaan (NGO) dan parti poli-
tik, mengadakan demons-
trasi aman mengutuk keke-
jaman Israel terhadap misi
kemanusiaan ke Gaza, di de-
pan Kedutaan Amerika Sya-
rikat (AS) di Jalan Tun Ra-
zak, di sini, semalam.

Kumpulan terdiri pelbagai
pertubuhan termasuk Life
Foundation, Islamic Relief
Malaysia, dan lain-lain.



PERHIMPUNAN aman menentang keganasan Israel terhadap rakyat Palestin oleh NGO dari bangunan Tabung Haji ke Kedutaan Amerika, di Jalan Tun Razak, semalam.

arak selepas solat Jumaat dari pekarangan Menara Tabung Haji, manakala penyokong dan pemimpin pakatan pembangkang bergerak dari Masjid Kampung Baru.

Perarakan yang turut disertai warga Palestin yang menetap dan belajar di ibu negara itu tiba di hadapan bangunan Kedutaan Amerika Syarikat, kira-kira jam 2.30 petang sambil membawa sepanduk dan melaungkan slogan anti-Israel.

Wakil NGO dan pemimpin parti politik terbabit kemudian berucap dan mengecam tindakan rejim zionis itu menggunakan kekerasan dan bertindak ala ketenteraan terhadap konvoi kapal Mavi Marmara yang membawa bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza.

Wakil LL4G diketuai Pengerusi Pasukan Pengurusan Krisis pertubuhan itu, Zulkifli Mohd Nani, menyerahkan memorandum bantahan kepada AS melalui wakil kedutaan negara itu, yang antara lain membantah so-



KETUA Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin menyampaikan ucapan mengecam Israel di Masjid Negara, semalam.

kongan AS kepada Israel dalam semua bentuk.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Penasihat DAP, Lim Kit Siang; Timbalan Presiden Pas, Nasharudin Mat Isa dan Naib Presiden Parti Keadilan

Rakyat (PKR), Azmin Ali, pula menyerahkan memorandum bantahan kepada wakil kedutaan AS, kira-kira jam 3.30 petang.

Di **MELAKA**, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam mengetuai demons-

trasi aman di luar Masjid Al-Azim selepas solat Jumaat bagi mengutuk tindakan kejam Israel menyerang kapal *Mavi Marmara*, Isnin lalu.

Demonstrasi kira-kira setengah jam yang disertai lebih 200 wakil pelbagai NGO

itu turut membawa kain rentang yang mengecam tindakan kejam regim Zionis itu selain melaungkan takbir.

Mohd Ali berkata, rakyat dan kerajaan Melaka menyokong usul bantahan kekejaman Israel yang bakal dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Parlimen, minggu depan.

Di **GEORGETOWN**, Lebih 1,000 ahli 40 NGO menyertai demonstrasi secara aman di luar pekarangan Masjid Kapitan Keling bagi membantah kekejaman Israel.

Dalam demonstrasi terbabit, bendera Israel dan AS termasuk patung Perdana Menteri Israel, Benjamin Nentahayu dibakar bagi menunjukkan kebencian terhadap kekejaman mereka.

Antara NGO terbabit ialah Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (DPMMP), Liga Muslim Pulau Pinang, Jamaah Islam Malaysia (JIM) Pulau Pinang, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Yayasan Amal Malaysia.

KUALA LUMPUR

Kemarahan memuncak

Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) bersama Pemuda Umno dan badan bukan kerajaan (NGO) mengemukakan tindakan agresif Israel ke atas sukarelawan bantuan kemanusiaan ke Gaza pada perhimpunan aman, baru-baru ini.

Pengerusi Aman Malaysia, Datuk Ahmad Zaki Zahid, berkata sejak sekian lama rakyat Malaysia marah dengan tindakan kejam Israel termasuk pembunuhan dan penindasan terhadap rakyat Palestin.

"Kekejaman tanpa mengira undang-undang seperti serangan ke atas sukarelawan yang menghantar bantuan ke Gaza amat dikesali dan menyemarakkan api kemarahan rakyat Malaysia," katanya.

Heret Israel ke ICJ

Sukarelawan misi kemanusiaan ke Gaza yang mewakili kira-kira 50 negara bersepakat mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) di atas tindakan kejamnya menyerang kapal Mavi Marmara, Ahad lalu sehingga mengorbankan sekurang-kurangnya 10 aktivis.



AKTIVIS Malaysia yang dibebaskan Israel selepas solat di bilik hotel mereka, di Amman, Turki, semalam.

Berita Harian 05/06/2010 NIS 11

3 jet ancaman Rachel Corrie

Terbang rendah tanda amaran tidak terus bantuan ke Gaza

KONVOI GAZA



ti kapal, kami semua berbilang dan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan bagi memastikan semua anak kapal selamat.

"Mereka yang menyertai misi ini ialah sukarelawan

Aktivis tekad teruskan misi kemanusiaan

PETALING JAYA: Usaha menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Gaza menggunakan kapal *Rachel Corrie* tidak akan terhenti sehingga misi berkenaan berjaya walaupun kapal berkenaan terpaksa berpatah balik akibat ancaman rejim Zionis.

Penang Perdana Global Peace Organization (PGPO), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata sehingga pagi semalam kapal berkenaan berada kira-kira 200 batu nautika dari perairan Gaza dan menjangka akan menerima amaran daripada Israel kerana rejim itu mula membuat tinjauan terhadap kapal *Rachel Corrie*.

"Kalau terpaksa patah balik, kita cuba lagi teruskan kerana ia perjuangan kemanusiaan yang tidak boleh dihentikan semata-mata kerana menghadapi halangan.

"Kita jangan jadikan ini hanya terhad kepada orang Islam, sebenarnya ramai juga bukan Islam berada di Gaza menjadi mangsa kekejaman Is-

REUTERS

DISERANG

Oleh Shaarani Ismail, S Anand Kumar dan Haspaizi Mohd Zain
bhnews@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tiga jet pejuang bersama sebuah pesawat tentera dipercayai milik Israel terbang rendah pada pagi semalam seolah-oleh memberi amaran kepada kapal bantuan kemanusiaan Rachel Corrie supaya tidak meneruskan misi ke Gaza.

Sehubungan itu, kapal berkenaan yang membawa pelbagai barangan perubatan, kerusi roda dan peralatan sekolah untuk rakyat Palestin terpaksa mengurangkan ke-



RACHEL Corrie dilaporkan semakin menghampiri Gaza.

lajuan bagi memastikan ia dapat tiba ke Gaza kira-kira jam 10 pagi ini.

Wakil Perdana Global Peace Organisation (PGPO) yang menyertai misi itu, Ahmad Faizal Azumu, ketika dihubungi semalam berkata,

kapal itu akan berpatah balik jika tentera Israel melepaskan tembakan amaran.

"Kami tidak mahu mengambil risiko yang boleh mengundang insiden buruk. Sebaik saja melihat tiga jet pejuang berkenaan mendekati

misi ini ialah sukarelawan yang mahu membantu rakyat Palestin. Kami bukan penganas atau membawa senjata. Oleh itu, Israel tidak perlu risau dengan Rachel Corrie.

"Dengan tekanan diberikan dunia ke atas Israel kami yakin mampu meneruskan misi ini tanpa sekatan tentera Yahudi itu," katanya.

Ahmad Faizal berkata, pihaknya menjangka akan tiba ke Gaza mengikut perancangan kerana keadaan cuaca mengizinkan.

"Kami sihat selain bersematang dalam hubungan seperti satu keluarga walaupun berlainan bangsa, keturunan dan agama, tetapi misi kami adalah sama," katanya.

mangsa kejamaan Israel. "la soal perikemanusiaan dan bukan Islam melawan Yahudi," katanya selepas menjadi tetamu rancangan *Malaysia Hari Ini* (MHI) terbitan TV3 di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, aktivis kemanusiaan Gaza yang menggunakan kapal *Rachel Corrie* akan meneruskan misi itu walaupun berdepan dengan pelbagai kemungkinan dan ancaman daripada rejim Zionis Israel.

Beliau berkata, hasrat untuk meneruskan misi itu lahir daripada keinginan sukarelawan untuk membantu rakyat Palestin, walaupun kapal Mavi Marmara diserang Israel.

Isteri rayu tentera Yahudi tidak halang konvoi

PARIT: Isteri Ahli Parlimen Parit, Dr Yuhanis Fazlina Fazil, 36, merayu kepada Israel membenarkan konvoi misi bantuan kemanusiaan ke Gaza yang turut disertai suaminya, Mohd Nizar Zakaria tanpa sebarang halangan atau ancaman ketenteraan.

"Saya hanya mahukan peserta konvoi selamat dan dibenarkan menghabiskan misi mereka," kata beliau di kediamannya di Taman Ban-

dar Universiti Seri Iskandar dekat sini, semalam.

Dr Yuhanis berkata, beliau menerima panggilan suaminya jam 2.30 petang semalam yang memaklumkan kapal mereka akan meneruskan misi penghantaran.

"Anak-anak amat merindui ayah mereka dan sering bertanyakan dirinya. Saya agak sebak dan terharu setiap kali mereka bertanya ke mana ayah mereka, terutamanya anak ketiga, Mohd

“Saya agak sebak dan terharu setiap kali mereka bertanya ke mana ayah, terutama anak ketiga, Mohd Nor Syamil yang berusia setahun”

**Dr Yuhanis
Fazlina Fazil**
Isteri

Nor Syamil yang berusia setahun.

"Lebih memilukan setiap hari dia ke pintu melambaikan tangan sambil berkata bye-bye ayah," katanya.

Dr Yuhanis berkata, ketiga-tiga anaknya juga menatap gambar ayah mereka setiap hari dan sentiasa menunggu berita televisyen untuk melihat wajahnya.

Ketika bercakap dengan suaminya, Mohd Nizar memaklumkan beliau sihat dan

hanya menyatakan kulitnya kini agak hitam kerana cuaca yang begitu panas.

Sementara itu, ketika dihubungi radio Perak.fm petang semalam, Mohd Nizar berkata anggota sukarelawan termasuk enam rakyat Malaysia yang menaiki kapal tajaan Perdana Global Peace Organisation, Rachel Corrie berada dalam keadaan sihat dan bersemangat menamatkan misi itu walaupun diancam Israel.